



Tahun 1. No. 21

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN  
KERAJAAN BRUNEI  
DUA KALI SABULAN

15 DECEMBER, 1956.

## RADIO BRUNEI:

### PANCHARAN HARUS DIMULAI PADA PERTENGAHAN FEBRUARY 1957 - 4 ORANG DARI BRUNEI BERLATEH DIRADIO SARAWAK

RANCHANGAN mengenai pembinaan sebuah Radio Station pada julong2 kali diNegeri Brunei sedang berjalan dengan majunya, dalam mana Kerajaan telah memilih 4 orang, mengandongi 3 orang Pegawai2 Kerajaan untuk berlately diRadio Sarawak diKuching sebelum mereka menjalankan perkhidmatan masing2 diRadio Brunei kelak. Chalon yang keempat ialah seorang pemuda yang bakal menjadi juru hebah wanitanya.

Chalon2 tersebut ialah Pengiran Ahmad bin Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, seorang Ahli Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei; Inche' Abu Bakar bin Ahmad, Anggota diPejabat 'Adat Istiadat, Ugama, dan Kebajikan Negeri; Pengiran Mohamed bin Pengiran Damit, Anggota diPejabat British Resident Brunei; dan Dayangku Intan binte Pengiran Apong, keluaran dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Kesemua chalon2 tersebut telah berangkat ka Kuching pada bulan ini. Pengiran Ahmad bin Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin dan Inche' Abu Bakar bin Ahmad telah berangkat dengan kapal terbang Sharikat Malayan Airways pada pagi hari Juma'at 21 December; manakala Pengiran Mohamed bin Pengiran Damit dan Dayangku Intan binte Pengiran Apong telah berangkat dengan kapal terbang juga pada pagi hari Thalatha 25 December, 1956.

Akan diingatkan bahawa Majlis Mashuarat Negeri Brunei, dalam Persidangannya tidak berapa lama dahulu, telah memperse-tujukan satu ranchangan untuk membina sebuah Radio Station di-Brunei. Radio Station itu akan dibina diBandar Brunei, tetapi pemancharnya menggunakan 20 kilowatt akan didirikan diTutong supaya dapat pancharannya didengari dengan terang, sama-ada di-Bandar Brunei, atau diSeria, atau pun diKuala Belait.

Menurut kapada ranchangan tersebut, Radio Station diBan-dar Brunei akan disambong dengan pemancharnya diTutong dengan perhubungan VHF, sama seperti perhubungan Radio Telephone yang sedang digunakan diBrunei. Pihak yang berkuasa juga telah mem-buat ranchangan untuk mengadakan sebuah Radio Station diKuala Belait supaya dapatlah juga dijalankan pancharannya dari sana.

Radio Sarawak telah bersetuju hendak memberi pertolongan kapada orang2 yang akan dihantarkan oleh Kerajaan Brunei ka sana untuk berlately, supaya dengan jalan itu dapatlah Negeri ini mem-punyai mutu siaran Radio yang baik.



RANCHANGAN PERKEMBANGAN NEGERI BRUNEI:P E L A B O H A N      B R U N E I

Pada keluaran<sup>2</sup> yang lalu, kita telah menyiarkan berbagai<sup>2</sup> perkara yang dijalankan dibawah Ranchangan Perkembangan Negeri Brunei mengenai penanaman getah, pemberian bantuan wang oleh Kerajaan kepada pekebun<sup>2</sup> getah kecil, penanaman padi, beras dan lain-lain perkara. Pada kali ini, kita terangkan dengan selanjutnya mengenai Pelabohan diNegeri ini.

Pekan Brunei mempunyai tambatan kapal yang dibuat daripada cement dengan bersendikan besi sepanjang 400 kaki untuk kapal menghimpit, tetapi oleh kerana tanjong<sup>2</sup> sungai yang dalam selepas melewati Rintangan Karang, maka kegunaan sungai itu hanyat<sup>2</sup> sekat kepada kapal<sup>2</sup> berkipas dua yang tidak lebih daripada 250 kaki panjangnya.

Jauhnya Pekan Brunei dari laut ialah 16 batu, dan kapal yang masuk ka pelabohan Pekan Brunei hendaklah melalui Telok Brunei ka Terusan Simpson yang lebarnya kira-kira 600 kaki dan dalamnya 7 kaki pada waktu ayer yang surut sekali. Daripada bahagian selatan terusan ini terdapat satu bahagian yang sempit lagi yang ayernya tidak lebih dari 8 kaki pada masa surut kering. Dari sini ia terus pula masuk diantara tebing Rintangan Karang Selatan dan Rintangan permulaan tadi yang mempunyai ukoran dari 4 kaki ayer masa surut.

Kapal yang beratnya 1,700 ton jumlahnya masuk ka Brunei mengikut ayer pasang, tetapi biasanya kapal<sup>2</sup> yang menggunakan pelabohan ini ialah kapal<sup>2</sup> kecil. Kebanyakan daripada muatan<sup>2</sup> barang bagi Negeri Brunei maseh juga dipunggah diLabuan dan dipindahkan ka kapal kecil, yang mana menambahkan lagi perbelanjaannya. Bolehlah dikatakan bahawa kebanyakan daripada barang<sup>2</sup> muatan yang dipunggah diLabuan adalah bagi Negeri Brunei.

Dalam tahun 1954, kapal<sup>2</sup> kepunyaan Sharikat Straits Steamship, iaitu "PERAK" dan "PERLIS" mempunyai jumlah berat 1414 ton, telah mula menjalankan lawatan dari Singapura pada tiap-tiap hari minggu. Tetapi ini hanya mengalihkan pemindahan punggahan diLabuan ka Singapura. Dengan ini ternyatalah bahawa sangatlah dikehendaki sebuah pelabohan yang dapat digunakan oleh kapal<sup>2</sup> lautan yang besar menghimpit, ditambatan pelabohan.

Pada bulan November tahun tersebut juga, Sharikat Coode & Partners telah dijemput oleh Kerajaan Brunei supaya menghantarkan seorang daripada ahli<sup>2</sup> perwakilannya ka Brunei untuk memeriksa dan menyatakan atas harusnya membina sebuah pelabohan ayer dalam diPekan Brunei, atau dilain tempat. Muara, yang letaknya diTelok Brunei ternyatalah sebagai tempat yang dapat menggantinya.

Menurut kepada Penyata yang dibuat oleh Sharikat tersebut, Pihak Yang Berkuasa telah dinasihatkan oleh Sharikat itu supaya tidaklah mengadakan pelabohan yang besar diPekan Brunei, sebabnya ialah harga mengorek Sungai Brunei sangatlah mahal, dan atas kebolehan menetapkan dalamnya sungai itu tidaklah dapat dijamin, dan kerja<sup>2</sup> mengorek sungai itu pada tiap-tiap tahun juga akan memakan belanja yang besar. Tambahan pula perayeran antara Pekan Brunei dan Kampong Ayer tidaklah chukop luas untuk kapal berputar serta pula didarat tempatnya sangat sempit jika hendak diadakan bangsal<sup>2</sup> custom dan lain-lain kemudahan pelabohan.

Penyata itu telah bersetuju dengan Muara sebab pelabohan itu mempunyai tempat berlaboh yang baik dan perlindungan oleh Pulau Muara. Tetapi malangnya, dihujung barat daya Pulau Muara ada satu rintangan karang sepanjang 1,200 ela melintang, dan ini terpaksa dilalui sebelum perayeran yang dalam diMuara disampaikan.

Tingginya ayer dikarangan ...



Tingginya ayer dilarangan itu masa ayer surut ialah kabawah 12 kaki.

Lebih lanjut Sharikat itu telah menasihatkan supaya karangan ini dikorek hingga 27 kaki dalam dan satu pelabohan bagi kapal2 pengangkutan kechil dibinakan, dengan tambatannya, bangsal2 kegunaan Pejabat Custom dan kemudahan2 pelabohan diMuara.

Perbelanjaan bagi menjalankan ranchangan tersebut, termasuk sebuah kapal penarik dan enam buah kapal muatan dianggarkan sebanyak \$ 9,060,000 (atau £ 1,058,000). Adalah dinasihatkan jika pada masa akan datang perbelanjaan itu difikirkan mustahak, maka Perengkat Yang Kedua hendaklah dilaksanakan, iaitu, perkara mengadakan sebuah tambatan kapal ayer dalam yang panjangnya 1,200 kaki. Perbelanjaan bagi membuat tambatan kapal itu ditaksirkan sebanyak \$ 9,800,000 (atau £ 1,144,000). Perbelanjaan bagi menjalankan Perengkat Yang Pertama dan Perengkat Yang Kedua bersama ialah sebanyak \$ 17,400,000 (atau £ 2,032,000).

Kalangan2 perniagaan diBrunei tentulah tertarik akan pembinaan sebuah pelabohan kapal ayer dalam yang boleh menerima kapal2 lautan besar dan memberi segala kemudahan2 yang diperlukan.

Perbelanjaan yang mesti dipikul oleh sebab pemindahan punggahan yang dikenakan diSingapura dan diLabuan adalah bertambah banyaknya. Disamping itu ditambahkan kerugian2 yang diterima apakala barang2 dari Eropah ka Singapura atau ka Labuan berbedza sedikit sahaja jika sakiranya barang2 itu dihantar ka Brunei. Bayaran bagi satu ton barang2 dari London ka Singapura ialah \$ 100, manakala bayaran dari Singapura ka Brunei ialah \$ 30.85 pada satu ton ditambah upah2 pemunggahan diSingapura.

Mengenai so'al2 perekonomian pula, muatan2 barang2 yang dipunggah diPekan Brunei dalam tahun 1953 berjumlah sebanyak 100,476 ton dan ditaksirkan berharga sebanyak \$ 30,952,443 dan dalam tahun 1954 berjumlah sebanyak 122,237 ton berharga sebanyak \$ 34,459,132. Tetapi sekarang ini, Negeri Brunei dibahagi dua oleh Sungai Tutong dan tidak mempunyai jalan raya yang semporna dari Pekan Brunei rus ka Padang Minyak diSeria. Oleh itu muatan barang2 bagi Padang Minyak itu mestilah dipunggah diLabuan kadalam kapal2 kechil yang membawanya ka Kuala Belait dalam keadaan itu berjumlah 200,952 ton ditaksirkan sebanyak \$ 80,773,951 bagi tahun 1953 dan 240,000 ton sebanyak \$ 88,863,030 dalam tahun 1954. Kebanyakan daripada muatan barang2 yang diturunkan diKuala Belait ialah untuk Padang Minyak yang letaknya 11 batu dari pelabohan Kuala Belait dengan menggunakan kereta2 truck.

Jika muatan2 barang2 bagi Seria dan Kuala Belait melalui sebuah pelabohan diMuara, maka perniagaannya tidak akan menchukopi terutama sekali dalam segi hasil kaluar negeri, dan perkara ini tidak akan membenarkan pembinaan sebuah pelabohan.

Sabaleknya, perekonomian Negeri Brunei ini adalah semata2 mengharapkan kapada minyak: bahan2 kuasa banyak terbakar dan dibuang sahaja pada sating hari: perkembangan ekonomi adalah dipercepatkan bahawa satu perusahaan kimia (barangkali perusahaan baja) dan satu lagi perusahaan tambahan boleh dimulakan, asalkan satu perkara sahaja dapat diadakan, iaitu satu pelabohan laut dalam. Sebuah jalan raya yang besar akan dibuat dari Muara ka Pekan Brunei dan dari Pekan Brunei ka Seria. Jalan raya yang besar ini akan dibuat sabelum kemudahan2 tambatan kapal ayer dalam disediakan diMuara, dan bolehlah dianggap iaitu sabahagian daripada muatan barang2 yang ditujukan bagi Kuala Belait dan Seria akan dikirim ka pelabohan ayer dalam diMuara dan dari sana dibawa melalui jalan raya 70 batu ka Padang Minyak Seria. Bertambah pula diMuara ada tempat yang chukop untuk bangsal2 Pejabat Custom dan gudang2 simpanan barang2.



## Suasana Politik Di Indonesia:

### MERDEKA BUKAN MATLAMAT KA JALAN KEBAHAGIAAN NAIB PRESIDENT INDONESIA LETAK JAWATAN

"Merdeka itu bukanlah satu Matlamat yang senang untok menuju ka jalan kebahagiaan". Demikian ujar Doktor Mohammed Hatta, Naib President Kerajaan Republic Indonesia sebelum beliau mengumumkan keberhentiannya dari jawatan itu dalam satu Majlis di Jakarta, Ibu Kota Indonesia, tidak berapa lama dahulu.

Dr. Mohammed Hatta telah menjadi Naib President, Kerajaan Republic Indonesia selama 11 tahun, iaitu samenjak hari Kemerdekaan Kerajaan Republic Indonesia daripada Penjajahan Belanda yang telah diishtiharkan pada 17 August, 1945.

Beliau telah memberi kata2 tersebut ketika berchakap berhubung dengan pertadbiran Kerajaan Republic Indonesia dalam masa 11 tahun yang lalu, dalam mana katanya, penduduk2 diseluruh Indonesia berasa tidak berpuas hati mengenai chara2 pertadbiran yang dijalankan oleh Kerajaan Indonesia.

"Samenjak sabelas tahun Indonesia dibebaskan daripada Penjajahan Belanda", kata Dr. Hatta "kerusuhan2 mengenai so'al politik dan perekonomian telah berlaku dengan menyebabkan kekeruhan dan kerendahan semangat".

Dr. Hatta mengumumkan lagi bahawa belumlah tiba masanya bagi Indonesia menuju ka matlamatnya yang dihajati itu, iaitu sebuah negara yang berada didalam keadaan aman dan damai.

Selanjutnya menurut keterangannya itu, Dr. Hatta telah tidak bersetuju dengan kata2 President Soekarno berulang2 kali bahawa perjuangan kebangsaan Indonesia belum lagi tamat, kerana menurut Dr. Hatta, perjuangan kebangsaan itu hanya berlaku pada sakejap masa sahaja dan bukanlah selama2nya.

Jika ditinjau dalam2, maka akan didapati bahawa keadaan pergolakan politik yang kelamkabut diIndonesia pada masa sekarang ini adalah disebabkan oleh kerana perjuangan kebangsaan itu tidak dihentikan dengan segera.

## Kegentingan Di Timor Tengah:

### ISLAM DAN COLONEL ABDUL NASSER

Masir sahaja tidaklah boleh menjalankan pemerintahannya sendiri - sama-ada dalam bahagian politik, ekonomi dan tentera. Ia tidaklah dapat menguasai negara2 Arab yang tulen: pengharapannya yang tunggal ialah hendak bersekutu dengan negara2 yang lain dan meruntuhkan Kerajaan negara itu. Demikian diantaranya menurut satu ulasan mengenai maudhu' tersebut oleh Sayed el-Hashimi, saorang pakar politik yang terkemuka diTimor Tengah.

"Jika dikaji dalam segi sejarah dan ugama pula", kata beliau "perhubungan yang rapat diantara Islam dan Arab tidaklah dapat berhasil pada masa sekarang ini dan saterusnya hingga ka beberapa tahun yang akan datang.

"Kesukaran2 yang paling besar terhadap keperchayaan orang2 Islam samenjak beberapa abad yang lalu telah pun dibuktikan oleh dasar2 utama mereka sendiri. Oleh kerana perkara2 inilah yang telah menyebabkan orang2 Islam diMasir ketepikan perbezaan2 yang

berat yang sedang...



berat yang sedang berlaku, dan juga mengenai keadaan2 dunia sekarang ini - bukan sahaja sekali, bahkan pada beberapa kali".

Ketika memberi pemandangannya terhadap sifat Colonel Abdul Nasser, maka Sayed el-Hashimi menyatakan bahawa komashoran Nasser, yang pada masa ini menjadi President Negara Masir, adalah satu perkara yang mustahak dalam sejarah Timor Tengah.

Nasser, seorang perwira yang telah dapat menumbangkan Kerajaan Masir yang telah diketuai oleh General Najib sedikit tahun dahulu, dan telah menjadikan dirinya sebagai Ketua Agong Negara Masir itu, katanya, telah juga dapat berjaya merampaskan kuasa Terusan Suez. Tetapi, langkah2 yang dijalankan oleh Nasser itu adalah hanya untuk pembinaan terhadap Dunia Islam, dan menurut kepada kata2 Nasser juga, sebab2nya yang ia menjalankan tugas2nya itu ialah untuk memberi faedah terhadap Dunia Islam dan Benua Africa.

Saterusnya pakar politik itu berkata bahawa Persharikatan Islam diantara orang2 diNegeri Turkey telah tidak beroleh dengan hasil yang baik, kerana orang2 Ottoman telah dapat menguasai keatas orang2 Arab, dan dengan itu telah menyebabkan mereka tidak dapat hendak berjuang bagi pihak Khalifah Istanbul yang bermaharaja-lela itu.

Amanullah dari Afghanistan, katanya, telah tidak berjaya hendak mengerahkan orang2 Islam diIndia. Begitu juga telah berlaku pada beberapa abad yang lalu, iaitu pada Zaman Crusade, apabila Salahuddin hanya dapat sedikit sokongan sahaja untuk menjadi seorang ketua.

Pakar politik itu berkata lagi bahawa Nasser pada masa ini perchaya yang ia akan dapat pertolongan daripada orang2 Islam dari kawasan Barat Africa ka Lautan Pacific, sungguhpun orang2 Islam, dengan tidak shak lagi, bersedia hendak menyokong gerak langkahnya itu.

Persharikatan Islam, dengan berdasarkan kepada perasa'an kaugama'an, dan kata2 yang manis sahaja tidaklah dapat beroleh kemajuan, Sakiranya perkara samacham ini dijalankan, maka orang2 Islam diserata tempat tidaklah dapat maju dalam lapangan2 politik dan ekonomi.

Persharikatan Islam yang telah berperang menentang Russia dalam Benua Asia Tengah, mendapati negara2 mereka ditakloki oleh Maharaja2 Russia ("Czars"), dan kemudian dipengarohi oleh fahaman Komunis.

"Nasser harus menyangka yang dunia ini tidak membenarkan Negara Masir dipengarohi oleh fahaman Komunis", kata Sayed el-Hashimi lagi "tetapi, menurut pengalaman yang telah diperolehi pada masa yang lalu, telah menunjukkan bahawa perasaan yang tidak puas-hati oleh penduduk2 dalam negeri, telah menyebabkan fahaman2 Komunis menguasai dalam beberapa buah negeri: sama-ada diTimor atau diBarat. Perkara samacham ini bolehlah berlaku diMasir dan dilain2 negeri diTimor Tengah.

"Salain daripada tindakan2 tersebut yang dijalankan oleh Nasser keatas negara Masir itu atas nama Persharikatan Islam, kemashoran perniagaan oleh pihak2 asing, iaitu saperkara yang sangat mustahak bagi memajukan perusahaan2 dalam negeri, akan beroleh dengan kerugian yang besar dibeberapa buah daerah.

"Oleh kerana kekechewa'an Kerajaan Masir dan oleh lain2 Kerajaan semachamnya itulah akan menyebabkan kerosakan yang amat terok terhadap kemajuan ekonomi dinegara masing2. Maka dengan ini, sudahlah jelas yang Colonel Abdul Nasser dan Juru-iring2nya tidak setia bagi menjalankan kewajipan2 mereka terhadap Dasar Persharikatan Islam sebagaimana tersebut", katanya lagi.



Kekachauan Di Timor Tengah:"PERNIAGAAN KAMI SAPERTI BIASA":- JERUCHAKAP -  
SHARIKAT MINYAK DIKAWASAN BRITISH BORNEO

Berita2 angin telah meribak dibeberapa buah Daerah diBrunei dan juga dikawasan Sarawak Utara baharu2 ini bahawa pehak yang berkuasa pertubohan2 minyak diBritish Borneo akan mengurangkan perbelanjaan2 mereka berhubung dengan kegentingan yang berlaku diTimor Tengah.

Berhubung dengan perkara tersebut, saorang Jeruchakap dari pertubohan2 minyak tersebut menerangkan bahawa segala berita2 angin itu tidaklah mempunyai asas yang tertentu.

"Kekachauan diTimor Tengah sunggoh pun telah menyebabkan kegendalaan mengenai perusahaan2 minyak diseluruh dunia", kata beliau "tetapi pertubohan2 minyak dikawasan British Borneo kini sedang menjalankan perniagaan kami saperti biasa".

Jeruchakap itu berasa hairan dari manakah asalnya puncia berita2 angin sademikian. Meskipun begitu, beliau perchaya haruslah berita2 angin itu telah meribak satelah pertubohan2 minyak British Malayan Petroleum Company Limited dan Sarawak Oilfields Limited menjalankan peninjauan mengenai perbelanjaan2 mereka.

Lebih lanjut Jeruchakap itu menerangkan bahawa, "Semasa perusahaan minyak diseluruh dunia menghadapi masa yang kurang baik, sudah samestilah kami menjalankan peninjauan berhubung dengan masa'elah perbelanjaan kami, dan pada masa sekarang kami TETAP menjalankan perusahaan kami saperti biasa".

JEMA'AH2 HAJI PADA TAHUN 1957

Menurut satu kenyataan yang rasmi dari Pejabat 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei, seramai 172 orang lelaki dan perempuan dari seluruh Negeri Brunei telah pun mendaftarkan nama2 mereka diPejabat itu untuk menunaikan fardzu Haji pada tahun 1957.

Jika dibandingkan pada tahun2 yang lalu, bakal2 jema'ah2 Haji pada tahun 1957 adalah terlebih banyak lagi daripada tahun2 1956 dan 1955. Pada tahun 1956, seramai 152 orang lelaki dan perempuan dari Brunei telah berangkat ka Mekah; manakala pada tahun 1955 hanya 33 orang sahaja dari Negeri ini yang telah berangkat ka Tanah Suci menunaikan fardzu Haji.

Diantara bilangan bakal2 jema'ah2 Haji dari Brunei pada tahun 1957, sepuluh orang daripadanya akan berangkat ka Mekah atas perbelanjaan perchuma dari Kerajaan Brunei, iaitu mengandongi 7 orang Pegawai2 Kerajaan dan tiga orang lagi Menteri2 Darat.

PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN YANG BAHARU

Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, bekas Kerani Besar diPejabat Pelajaran Brunei, telah dilantek menjadi saorang Penolong Pegawai Penerangan baharu2 ini.

-----